

Toleransi di lebuh raya beri manfaat

Kakitangan PLUS tonjol sikap kesopanan, semangat kerjasama kepada pengguna

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Biarpun dikenali sebagai pengendali lebuh raya yang digunakan hampir 1.7 juta pengguna setiap hari, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) juga secara tidak langsung banyak memberi nilai tambah dan menyatukan setiap kakitangan serta rakan niaga di bawahnya.

Ini dibuktikan, menerusi peranan ditonjolkan oleh setiap individu yang terlibat dalam PLUS menerusi kerjasama, sikap toleransi, patuh arahan dan seterusnya semangat untuk terus menyumbang demi manfaat setiap orang.

Ketua Kecemerlangan Operasi PLUS, Mohd Yusof Abdul Aziz, berkata 21 tahun bersama PLUS, beliau menyenangi berurusan dengan setiap jabatan ditugaskan kerana semua memahami tugas diamanahkan.

Mohd Yusof berkata, bertugas di bahagian operasi memerlukan bertemu dengan ramai orang dan demi memastikan perkhidmatan terbaik, sikap dan teladan dalam menyantuni pengguna lebuh raya diutamakan.

"Pekerjaan saya inilah yang mendorong saya untuk terus mempamerkan sikap kesopanan dan kesusilaan kepada pengguna lebuh raya kerana kita sebagai kakitangan PLUS harus menonjolkan sikap sedemikian, seiring dengan nasihat diberikan supaya berhemah di lebuh raya.

"Sikap ini juga seiring dengan kemerdekaan negara ke-62 tahun kerana apabila kita boleh mengawal diri sendiri dan menentukan hala tuju, tidak mustahil, kita mampu menjadi masyarakat yang saling menyantuni antara satu sama lain.

"Begitu juga di PLUS, kami mengamalkan sikap integriti dalam pekerjaan dan ini membentuk sikap toleransi, ditambah dengan tanggungjawab sosial yang kerap dilakukan PLUS, menguatkan jati diri setiap warga PLUS untuk memberikan yang terbaik kepada setiap komuniti.

"Jadi, sempena kemerdekaan negara ke-62 tahun ini, sama-samalah kita saling pertahankan tanggungjawab untuk memastikan negara sentiasa merdeka," katanya.

Ia turut diakui oleh anggota PLUSRonda, Laks Koperah Dahalan Dahaman, yang sudah bertugas 15 tahun di PLUS dan meng-



Mohd Yusof menunjukkan pusat kawalan trafik seliaan PLUS.



Yen Chen menunjukkan Nasi Ayam yang terdapat di Restoran Chicken Duck, Hentian Sebelah Nilai (Arah Selatan). (Foto Alzuddin Saad/BH)

anggap tugas meronda menjadikannya individu berdisiplin dan sentiasa menyantuni setiap pengguna lebuh raya.

Katanya, PLUS sentiasa menekankan kepada kakitangan supaya sentiasa berhemah dengan pengguna dan membantu sedaya upaya setiap permasalahan yang berlaku di atas lebuh raya.

"Setiap hari tugas saya meronda antara laluan Shah Alam hingga ke Nilai dan saya berjumpa ramai pengguna dengan pelbagai sikap. Situasi itu memerlukan saya mengamalkan sikap kesopanan dan kesusilaan dalam usaha memastikan setiap masalah ada penyelesaiannya.

"Apabila pengguna berdepan

Bagi rakan niaga PLUS, Hew Yen Chen, yang mengusahakan gerai di Hentian Sebelah Nilai, berkata setiap peraturan dan undang-undang PLUS dipatuhi demi kebaikan bersama.

Katanya, bekerjasama dengan PLUS memberi banyak peluang kepadanya untuk menerokai bidang baharu dalam bidang makanan dan minuman, umpamanya untuk mendapatkan sijil Halal.

"Apabila kita berada di bawah PLUS, sijil Halal itu penting kerana pelbagai kaum akan berhenti makan di kawasan R&R. Dari situ saya memahami kepentingan halal ini demi kebaikan setiap orang.

"Malah, kita juga menjadi antara barisan hadapan membawa nama PLUS, jadi garis panduan itu perlu diikuti supaya tidak ada sebarang aduan yang boleh memburukkan nama kedai sekali gus PLUS.

"Apabila berniaga ini, kesopanan antara perkara yang sentiasa dititikberatkan oleh saya kepada setiap pekerja juga. Pekerja saya perlu sentiasa senyum kepada pelanggan untuk memastikan pelanggan seronok mendapat perkhidmatan di R&R ini," katanya.

Beliau yang sudah 10 tahun berada di bawah PLUS beranggapan, berurusan dengan PLUS memberi banyak kelebihan dan pengalaman yang sangat menyeronokkan.

"Begitu juga dengan pelanggan yang berkunjung ke restoran saya dengan harapan kita saling hormat menghormati tanpa mengira dari mana kita datang dan berharap setiap orang dapat hidup dalam keadaan aman damai," katanya.

Pekerjaan saya inilah yang mendorong saya untuk terus mempamerkan sikap kesopanan dan kesusilaan kepada pengguna lebuh raya kerana kita sebagai kakitangan PLUS harus menonjolkan sikap sedemikian, seiring dengan nasihat diberikan supaya berhemah di lebuh raya.

Mohd Yusof Abdul Aziz,
Ketua Kecemerlangan
Operasi PLUS



Setiap hari tugas saya meronda antara laluan Shah Alam hingga ke Nilai dan saya berjumpa ramai pengguna dengan pelbagai sikap. Situasi itu memerlukan saya mengamalkan sikap kesopanan dan kesusilaan dalam usaha memastikan setiap masalah ada penyelesaiannya.

Dahalan Dahaman,
Anggota PLUSRonda